



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 2 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INOVASI 'WASTETRONIC' MAMPU TARIK MINAT GOLONGAN MUDA SERTA BIDANG PERIKANAN, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA DALAM SEKTOR PERTANIAN MENINGKAT, UM -ONLINE	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
3.	3 BOT NELAYAN VIETNAM JADI TUKUN, LOKAL, HM -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	52 NELAYAN VIETNAM, 8 BOT BAHARU MENDARAT DI JETI HARAM DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -29	
5.	52 NELAYAN VIETNAM MILIKI DOKUMEN MENCURIGAKAN DITAHAN, NEGARA, KOSMO -14	
6.	102 BOT ASING JADI TUKUN TIRUAN, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29	
7.	RANCAK SEMULA SEKTOR AGROMAKANAN, NEGERI PERAK/KEDAH, SH -28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	FAMA PERHEBAT EKONOMI AGROMAKANAN, HM -ONLINE	
9.	LPP LANCAR BUKU CAMEL-T, NASIONAL, SH -11	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
10.	SMART TANI MUDAHKAN PEMILIK LADANG, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
11.	BEKALAN IKAN UNTUK PENGGUNA SEPANJANG RAMADHAN MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	GUNA BENIH PADI BERKUALITI TINGGI, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -26	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13.	PERUBAHAN CUACA ANTARA FAKTOR IKAN SANGKAR MATI, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -26	LAIN-LAIN
14.	KES SANGKAR IKAN PECAH TIADA UNSUR JENAYAH-POLIS, DALAM NEGERI, UM -33	
15.	GALAK TANAM KETUM AYAM, NASIONAL, SH -18	
16.	PLANS TO GROW MORE GREENS FOR THE CITY, NEWS, THE STAR -2	
17.	SINGLE MUM MAKES IT BIG IN PEPPER TRADE, NEWS, NST -11	
18.	'HOT' SPICE BRINGS SUCCESS TO DAYAK WOMAN ENTREPRENEUR, NEWS WITH BORDERS, THE SUN -3	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Inovasi 'wastetronic' mampu tarik minat golongan muda sertai bidang perikanan



Inovasi 'wastetronic' mampu tarik minat golongan muda sertai bidang perikanan

CHE ABDULLAH: Melalui inovasi ini, diharap dapat menarik minat anak-anak muda untuk menceburi sektor yang sebelum ini diterajui oleh kalangan yang sudah berumur. - Gambar fail

BESUT: Inovasi 'wastetronic' yang diperkenalkan Pusat Penyelidikan Perikanan (FRI) Tanjung Demong bagi meningkatkan kualiti pembenihan dan penternakan ikan marin mampu menarik minat golongan muda untuk menyertai bidang perikanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata penggunaan teknologi komputer dan telefon pintar yang dibangunkan khusus untuk sistem asuhan dan ternakan ikan marin berpotensi

untuk diperluaskan ke seluruh negara.

Menurut Che Abdullah, inovasi yang diketengahkan FRI Tanjung Demong pada pertandingan Anugerah Inovasi Jabatan Perikanan tahun lalu itu memudahkan pengawalan ternakan ikan marin secara konsisten.

"Melalui inovasi ini, diharap dapat menarik minat anak-anak muda untuk menceburi sektor yang sebelum ini diterajui oleh kalangan yang sudah berumur.

"Anak-anak muda rata-ratanya tidak berminat dengan sektor perikanan.

"Sebagaimana yang kita ketahui keseluruhan sektor pertanian ini dilihat sebagai sektor yang disebut sebagai 3D -- dirty, dangerous dan difficult," kata Che Abdullah.

Sementara itu, Pengarah Kanan FRI Tanjung Demong, Dr Zainoddin Jamari berkata pembangunan menerusi revolusi industri IR 4.0 itu berjaya meningkatkan pengeluaran hasil sehingga 100 kilogram per meter padu air.

"Ini adalah satu indikator ataupun pencapaian yang tinggi.

"Teknologi ini kita bangunkan menggunakan teknologi tempatan di mana FRI Tanjung Demong telah bekerjasama secara strategik dengan politeknik di Malaysia.

"Aplikasi IR 4.0 ini telah berjaya mengeluarkan satu teknologi yang dapat menyelesaikan pelbagai masalah selama ini.

"Kita juga dapat meningkatkan kadar pengeluaran daripada biasanya sebanyak 20 kilogram semeter padu kepada 100 kilogram per meter padu," kata Zainoddin.

Menurutnya, sistem wastetronic itu berupaya memerangkap sisa kumbahan ternakan sekali gus meningkatkan kualiti air untuk mendapatkan hasil berganda.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian meningkat



JEMPOL: Penglibatan golongan muda dalam aktiviti pertanian di negara ini dilihat meningkat terutama selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peningkatan tersebut juga boleh dilihat menerusi penglibatan golongan tersebut dalam Program Agropreneur Muda.

Sehubungan itu jelasnya, pihak kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun ini bagi melahirkan kira-kira 750 usahawan muda dalam bidang pertanian selain menarik minat lebih ramai golongan muda dalam bidang berkenaan.

"Selepas PKP, kita lihat memang ada peningkatan ketara, minat

golongan muda begitu meningkat dalam bidang pertanian, mungkin ini petanda yang baik.

"Pada tahun lalu, seramai 1,149 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan GAM dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM21.73 juta," katanya dalam sidang akhbar program Jelajah Agropreneur Muda Negeri Sembilan 2021 di Teratak Za'aba, dekat sini hari ini.

Yang hadir sama, Ahli Parlimen Jempol, Datuk Mohd. Salim Mohd. Sharif dan Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian Dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir.

Dalam pada itu, jelasnya, bagi mendorong lebih ramai golongan muda menyertai bidang pertanian di negara ini, pihak kementerian sentiasa mendedahkan kepada mereka apakah aktiviti pertanian yang berpotensi dan boleh diceburi.


"(Tentu) berdasarkan permintaan yang tinggi, kita lihat apa yang kita kurang dahulu, beras, cili, bawang, itu yang masih belum mencapai tahap mencukupi untuk negara kira, di sini yang kita berikan pendedahan kepada mereka.

"Penternakan ayam, telur sudah mencukupi tapi kita masih kurang bekalan daging lembu, kerbau dan kambing. Itu bidang-bidang yang patut kita berikan perhatian, begitu juga perikanan," katanya.

Sementara itu, menurut Ahmad, seramai 62 orang agropreneur dari negeri ini telah menerima kelulusan GAM pada tahun lalu dengan jumlah keseluruhan geran sebanyak RM1.18 juta.

Katanya, daripada jumlah tersebut, 27 orang terlibat dalam industri makanan, sektor tanaman (25), sektor perikanan (6) dan sektor penternakan (4). – UTUSAN ONLINE

3 bot nelayan Vietnam jadi tukang



SEMUA bot yang ditenggelamkan ditahan Kapal Maritim (KM) Gemia dalam Op Kuda Laut.

Kuala Terengganu: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menenggelamkan tiga bot nelayan Vietnam pada jarak 3.6 batu nautika di perairan Gong Balai, Merchang, Marang untuk dijadikan tukang tiruan, semalam.

Pengarahnya Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, ia adalah bot nelayan Vietnam yang ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah sepanjang tahun lalu kerana mencerooboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Katanya, semua bot itu ditahan Kapal Maritim

(KM) Gemia dalam Op Kuda Laut yang dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

"Ini adalah pelupusan ketujuh untuk tahun ini dan sebanyak 40 bot lagi akan ditenggelamkan selepas mendapat pelucutan hak daripada mahkamah.

"Sehingga kini, APMM sudah menenggelamkan sebanyak 102 bot sebagai tukang tiruan di sepanjang perairan Terengganu," katanya, semalam.

Katanya, kaedah menenggelamkan bot sebagai tukang tiruan adalah satu inisiatif dalam memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik

kepada keseriusan APMM dalam mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara harami.

"Pelupusan bot ini turut mendapat kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara serta Institut Sumber Marin Asia Tenggara (Ismat).

"Kita akan terus melaksanakan rondaan untuk mengesan kegiatan pence robohan nelayan asing dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di sekitar perairan Terengganu," katanya.

2/4/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

52 nelayan Vietnam, 8 bot baharu mendarat di jeti haram ditahan

Oleh **MASTURAH SURADI**
utusannews@mediamulla.com.my

MERSING: Sebanyak lapan buah bot nelayan tempatan kelas C serta 52 orang nelayan Vietnam yang berada dalam keadaan mencurigakan berjaya ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Mersing, malam tadi.

Pengarah Maritim Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kesemua mereka ditahan di sebuah jeti haram pada posisi 3.2 batu nautika dari muara Sungai Endau pada pukul 8.45 malam.

“Tiga bot yang ditahan dikesan memasuki Sungai Endau dalam keadaan mencurigakan dan Zon Maritim Mersing terus bertindak dengan mengaturlah gerak anggota serta aset untuk membuat pemeriksaan.”

“Pada masa yang sama, Zon Maritim Mersing juga telah menerima aduan awam berkaitan



MARITIM Malaysia berjaya menahan lapan buah bot nelayan tempatan kelas C serta 52 orang nelayan Vietnam dalam keadaan mencurigakan di sebuah jeti haram Sungai Endau, Mersing di Johor.

sekelompok bot nelayan tempatan yang mencurigakan bertambat (ikat) antara satu sama lain di sebuah jeti haram sekitar Sungai Endau.

“Hasil pemeriksaan mendapati kesemua bot nelayan tempatan kelas C yang bertambat di jeti haram itu dikendalikan oleh 52 kru warga Vietnam berusia 22 hingga 55 tahun,” katanya dalam satu kenyataan di sini,

semalam.

Menurut Nurul Hizam, kesemua kru tersebut disyaki baru tiba dari Vietnam berdasarkan pemeriksaan ke atas data dan rekod daripada sistem GPSHISTORY.

Jelasnya, mereka juga telah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang mencurigakan dan lesen bot yang telah tamat tempoh.

“Semua kru ditahan dan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Mersing untuk siasatan lanjut. Kes ini akan disiasat dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985.

“Maritim Malaysia mengingati kepada seluruh komuniti maritim agar sentiasa mematuhi undang-undang dan sekiranya gagal tindakan sewajarnya akan dikenakan.



SEBAGIAN bot yang ditahan bersama 52 nelayan Vietnam di sebuah jeti haram di Mersing malam kelmarin.

52 nelayan Vietnam miliki dokumen mencurigakan ditahan

MERSING – Seramai 52 nelayan warga Vietnam yang dipercayai memiliki dokumen pengenal diri mencurigakan ditahan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Mersing di sebuah jeti haram di kedudukan 3.2 batu nautika dari muara Sungai Endau di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 8.45 malam itu, pihak berkuasa turut menyita lapan buah bot nelayan tempatan kelas C yang mereka nalki kerana didapati mengunakkan lesen bot yang telah tamat tempoh.

Pengarah Maritim Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria memberitahu, pada mulanya se-

banyak tiga buah bot yang mencurigakan dikesan memasuki Sungai Endau.

"Pasukan kami kemudian bertindak dengan mengatur gerak tugas anggota serta aset untuk melakukan pemeriksaan.

"Pada masa sama, APMZon Maritim Mersing turut menerima aduan awam berkaitan beberapa lagi bot nelayan tempatan yang mencurigakan bertambat antara satu sama lain di sebuah jeti haram sekitar Sungai Endau.

"Hasil pemeriksaan mendedapati, keserua bot nelayan tempatan kelas C yang bertambat di jeti haram tersebut dikendalikan oleh 52 kru warga Vietnam yang berusia antara 22 hingga 55 ta-

hun," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Nurul Hizam berkata, keserua kru tersebut diyakini baharu tiba dari Vietnam berdasarkan pemeriksaan ke atas data serta rekod daripada sistem khas Gps History.

Menurutnya, keserua nelayan terbabit juga telah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang mencurigakan, manakala lesen bot tersebut didapati telah tamat tempoh.

"Serua kru yang ditahan dibawa ke Pejabat Zon Maritim Mersing untuk siasatan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Imigrasi 1959/63 dan Akta Perikanan 1985," ujarnya.

102 bot asing jadi tukun tiruan

Dilucut hak kerana
menangkap ikan
di perairan negara

Oleh NORHASPIDA YATIM

MARANG

Sebanyak 102 bot nelayan asing yang dilucut hak oleh mahkamah atas kesalahan menceroboh perairan negara sejak 2010 sehingga kini dipuskan menjadi tukun tiruan.

Terbaru, dua bot nelayan Vietnam ditenggelamkan sebagai tukun tiruan berhampiran perairan Gong Balai, Merchang, di sini, pada Khamis.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, bot berkenaan dilucut hak sepanjang 2020 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

Beliau berkata, kesemua bot ini ditahan oleh Kapal Maritim (KM) Gemia menerusi Op Kuda Laut yang dilakukan sepanjang tahun lalu.

"Ini adalah pelupusan kali ketujuh tahun ini dan dijangka sebanyak 40 bot lagi bakal ditenggelamkan selepas mendapat perlucutan hak daripada mahkamah pada 2021.

"Sehingga kini, sejumlah 102 bot telah ditenggelamkan untuk dijadikan tukun tiruan di sepanjang perairan Terengganu," katanya menerusi satu kenya-

taan pada Khamis.

Beliau berkata, pelupusan bot nelayan asing sebagai tukun adalah inisiatif bagi memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia dalam mengekang kemasukan nelayan asing ke perairan negara secara haram.

"Program pelupusan bot ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara serta Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

"Maritim Malaysia akan terus melaksanakan rondaan untuk mengesan kegiatan pencerobohan nelayan asing dan juga aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang di sekitar perairan Terengganu," katanya.

Dalam pada itu katanya, Maritim Malaysia meminta kerjasama masyarakat terutama komuniti maritim melaporkan sebarang maklumat, perlakuan melanggar undang-undang dan kejadian keceemasan yang berlaku di perairan Negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Terengganu.



Bot nelayan asing yang ditenggelamkan sebagai tukun tiruan bakal memberi manfaat kepada nelayan.



Dua bot nelayan Vietnam dilucut hak mahkamah pada 2020 dipuskan menjadi tukun tiruan pada jarak 3.6 batu nautika dari Gong Balai, Merchang, pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ KEDAH	28

Rancang semula sektor agromakanan

Insentif Penjana disalurkan untuk jamin sekuriti makanan negara

Oleh SAIFULLAH AHMAD

GOPENG

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak, di sini kembali merencanakan semula sektor agromakanan negara yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Usaha itu dilaksanakan menerusi insentif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang disalurkan menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri

Dr Ronald Kiandee pada Khamis melakukan lawatan kerja ke RTC Perak bagi meninjau fasiliti yang disediakan.

Ketika lawatan tersebut, Ronald berkata, FAMA akan terus diperkasakan untuk membantu usahawan agromakanan khususnya penduduk luar bandar dalam memasarkan barangan dan produk-produk mereka.

"RTC Perak memberi peluang kepada masyarakat setempat menceburi bidang usahawanan yang bukan sahaja dapat membantu mereka meningkatkan pendapatan bahkan menjamin kelangsungan barangan komoditi bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.

"Bagi meningkatkan aktiviti ekonomi sektor agromakanan negara melalui Penjana, FAMA telah menyediakan Pelan Perancangan Pembangunan RTC Perak bagi tahun 2021-2025 bagi merencanakan



Ronald (dua dari kanan) dibawa meninjau kemutakhiran yang disediakan di RTC Perak dalam lawatan kerja ke Perak pada Khamis.

lagi aktiviti ekonomi di sini selain dapat memberi kesan positif kepada peserta dan usahawan yang terlibat," katanya. Sementara itu, RTC Perak diwujudkan bagi meningkatkan sosio ekonomi penduduk setempat di mana pelbagai aktiviti bercorak nilai tambah yang tinggi telah dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Selain itu, RTC Perak juga menjadi pusat pengedaran bagi syarikat tenusu seperti Farm Fresh dengan nilai jualan sebulan RM600,000 melibatkan 100 usahawan produk tenusu. Sebuah syarikat iaitu Go-peng Berhad menjadikan RTC Perak sebagai pusat pengumpulan, pengedaran dan pengeksportan nanas MD2.

Syarikat tersebut juga telah mengeluarkan jenama sendiri iaitu dengan jumlah pengeluaran dianggarkan sejumlah 200,000 kg dengan bernilai RM500,000 dan dipasarkan untuk pasaran tempatan dan eksport.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2020, nilai jualan RTC Perak sebanyak RM191.07 juta dengan melibatkan 92 orang peserta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Fama perhebat ekonomi agromakanan



DATUK Seri Dr Ronald Kiandee (kiri) melawat Pusat Perkhidmatan Industri Tenuku (PPIT) Tapah. FOTO ihsan Kementerian

Gopeng: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyediakan Pelan Perancangan Pembangunan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Perak 2021-2025 bagi merancakkan aktiviti ekonomi selain dapat memberi kesan positif kepada peserta dan usahawan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia bakal meningkatkan aktiviti ekonomi sektor agromakanan negara melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

"Antara yang mendapat perhatian adalah pembangunan Medan Food Truck, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), Pusat Jualan

Florikultur di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) RTC dan banyak lagi perancangan yang impaknya adalah supaya memberi keselesaan serta dapat menarik lebih ramai usahawan serta pengunjung ke RTC Perak supaya kelangsungan rantaian bekalan dan jaminan sekuriti makanan negara dapat dicapai.

"RTC Perak diwujudkan bagi meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat di mana pelbagai aktiviti bercorak nilai tambah yang tinggi dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan pendapatan mereka.

"Dua komponen penting yang diketengahkan di RTC Perak adalah perkhidmatan dan kegiatan ekonomi melalui tiga konsep utama penubuhan iaitu perkhidmatan kerajaan dan swasta, hub perniagaan dan kemudahan fasiliti serta pusat kegiatan belia," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Terdahulu, Ronald melakukan lawatan kerja ke RTC Perak bagi meninjau fasiliti yang tersedia dan meninjau insentif di bawah Penjana bagi menjamin sekuriti makanan negara serta dapat merancakkan semula sektor agromakanan daripada keadaan ekonomi yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Veterinar Datuk Dr Norliza Mohd Noor dan Ketua Pengarah Fama Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Ronald berkata, RTC Perak juga adalah pusat pengumpulan dan pengedaran bagi program food bank yang mendapat kerjasama dengan pihak luar.

"Sebanyak lapan lot diperuntukkan di Blok A RTC Perak bagi menjayakan program yang bertujuan untuk membantu golongan tidak bernasib baik.

"Selain itu, RTC Perak menjadi pusat pengedaran bagi syarikat tenuku seperti Farm Fresh dengan nilai jualan yang dicatatkan adalah RM600,000 sebulan membabitkan 100 usahawan produk tenuku," katanya.

Menurutnya, RTC Perak juga mendapat perhatian Gopeng Berhad iaitu syarikat Bumiputera yang mengendalikan projek perladangan khususnya penanaman nanas MD2 dan turut dijadikan pusat pengumpulan, pengedaran dan pengeksporan buah itu.

Katanya, sehingga kini jumlah pengeluarannya dianggarkan sebanyak 200,000 kilogram (kg) bernilai RM500,000 untuk pasaran tempatan dan eksport.

"Secara keseluruhannya, nilai jualan RTC Perak adalah RM91.07 juta pada tahun lalu dengan membabitkan 92 peserta," katanya.

Sementara itu, Ronald turut melakukan lawatan ke Pusat Perkhidmatan Industri Tenuku (PPIT) Tapah bagi meninjau perkembangan projek naik taraf prasarana dan bangunan di pusat itu bagi mendapatkan pensijilan Good Veterinary Health Practice (GVHP).

Katanya, pensijilan itu akan memastikan kualiti dan keselamatan susu yang dibekalkan menepati piawaian Good Manufacturing Practice (GMP) sekali gus memperluaskan pasaran produk serta dapat meningkatkan pendapatan penternak.

"Ini juga selaras dengan usaha kementerian untuk membolehkan PPIT Tapah menyediakan ruang pemprosesan bagi membantu penternak dan koperasi terbabit dalam aktiviti hiliran dengan menghasilkan produk nilai tambah yang berasaskan susu seperti susu berperisa, dadih, aiskrim dan sebagainya.

"PPIT ini berfungsi untuk membantu penternak dan koperasi yang terbabit sebagai tempat pengumpulan dan penyimpanan susu segar sebelum dihantar ke kilang pemprosesan.

LPP lancar buku CAMEL-T

Panduan kepada 2,900 kakitangan laksanakan tugas dengan penuh integriti

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PUTRAJAYA

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melancarkan buku 6 *Prinsip Kecemerlangan Pertubuhan Peladang* (CAMEL-T) sebagai panduan kepada seramai kira-kira 2,900 pegawai dan kakitangannya untuk melaksanakan tugas dengan penuh integriti.

Ini sekali gus muncul sebagai buku pertama seumpamanya diterbitkan LPP yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Hashina Abdul Hamid berkata, buku setebal 228 muka surat itu akan menjadi sumber rujukan kepada semua warga kerja LPP dalam mengurus dan mentadbir pertubuhan berkenaan supaya menjadi lebih sistematik, mantap serta mematuhi peraturan dan undang-undang.

"Buku ini dapat membantu Pertubuhan Peladang memberi fokus kepada pematuhan undang-undang dan peraturan asas serta kritikal berkaitan rutin kerja harian.

"LPP sebagai pendaftar kepada pertubuhan peladang seluruh Malaysia mempunyai satu set perundangan dan peraturan yang sangat komprehensif," katanya ketika menyempurnakan majlis pelancaran buku tersebut di Hotel The Everly Putrajaya di sini pada Rabu.

Serentak dengan pelancaran itu, Haslina turut merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Anggota LPP Tahun 2021 yang menyaksikan seramai 196 warganya menerima anugerah.

Hadir sama Pengerusi LPP, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh; Ketua Pengarah LPP,

Penolong Pegawai Tadbir LPP, Noor Zulalika Nedhirah Zuhairi menunjukkan buku CAMEL-T.



Haslina (tengah) bersama Nik Muhammad Zawawi (kiri) dan Azulita menyempurnakan gimik pelancaran buku CAMEL-T pada majlis pelancaran di Hotel The Everly, Putrajaya pada Rabu.

Datuk Azulita Salim dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Norlizah Muhamad:

Mengulas lanjut, Haslina berkata, buku tersebut memberikan kefahaman yang jelas mengenai justifikasi untuk setiap tindakan serta kesan sekiranya ia tidak dilaksanakan.

Justeru, beliau berkata, buku tersebut boleh dirujuk di semua peringkat pengurusan Pertubuhan Peladang khususnya pengurus besar yang baru dilantik bagi mengurangkan risiko salah tadbir dan kecuai dalam mematuhi undang-undang.

"Usaha ini akan menjadikan pengurusan menjadi lebih telus, berintegriti dan mengelakkan ketirisan terutama yang melibatkan agihan peruntukan.

"Impak daripada inisiatif ini akan dirasai secara terus oleh hampir satu juta ahli Pertubuhan Peladang di seluruh Malaysia," katanya.

Beliau berkata, faedah yang akan dirasai itu termasuklah dari segi agihan dividen yang lebih tinggi dan kebajikan peladang lebih terjamin.

Sementara itu, Nik Muhammad Zawawi berkata, buku tersebut diterbitkan khusus

untuk pegawai dan kakitangan yang bertugas di lapangan untuk menyediakan formula tindakan ke arah kualiti pengurusan yang ketap.

"Formula itu adalah dalam konteks audit pengurusan bagi mencapai piawaian pengurusan lima bintang di bawah penarafan audit pengurusan.

"Buku ini ditulis hasil daripada soal-soalan Manual Audit Pengurusan untuk keseluruhan prinsip CAMEL-T," katanya.

Menyentuh mengenai APC pula, katanya, ia diadakan untuk memberi pengiktirafan dan menghargai sumbangan warga LPP yang telah menunjukkan prestasi cemerlang.

Nik Muhammad Zawawi berkata, pengiktirafan itu akan menyuntik semangat kepada penerima untuk terus berkhidmat dengan lebih dinamik, dedikasi dan iltizam yang tinggi.

"Hasrat kita ialah seboleh-bolehnya seluruh anggota LPP menjadi cemerlang.

"Tanda kecemerlangan sesebuah agensi adalah masyarakat banyak menggunakan perkhidmatan kita dan mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan," katanya.



Haslina (tengah) bersama Nik Muhammad Zawawi dan Azulita meneliti buku CAMEL-T yang dilancarkan pada malam Rabu.



Haslina (kiri) menyampal APC kepada seramai 196 warga LPP yang mencatatkan prestasi cemerlang.

LPNM perluas teknologi terkini penanaman nanas

Oleh ROSHILA MURNI ROSEI

KUBANG PASU

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan memperluas penggunaan teknologi penanaman nanas di negara ini.

Pengerusi LPNM, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, penggunaan teknologi terkini dalam sektor penanaman mampu memberi impak kepada produktiviti pengeluaran nanas negara.

Beliau berkata, ia sejajar dengan Revolusi 4.0 di seluruh dunia termasuk dalam sektor pertanian di mana sektor itu memerlukan penggunaan teknologi terkini seperti *Internet of Things* (IoT) bagi meningkatkan kecekapan pengurusan pertanian.

Sebagai contoh, katanya, ladang Ber One Agro milik Zulkafli Saidin, 53, yang terletak di Changlun di sini yang menggunakan sistem dipanggil Smart Tani.

"Sistem ini membolehkan data-data berkaitan agronomi tanaman seperti peratusan kandungan baja, pH tanah, kelembapan, suhu dan taburan hujan dicapai bagi menentukan keperluan sebenar tumbesaran pokok nanas," katanya selepas melawat ladang Ber One Agro pada Khamis.

Beliau berkata, dengan sistem Smart Tani itu, data-data lokal yang dikumpulkan sensor di plot tanaman akan dihantar ke satu sistem rangkaian *Sigfox Cloud* yang kemudiannya dihimpunkan di dalam platform yang dinamakan 'Satu Dashboard'.

"Semua data akan dapat dilihat dan dinilai dengan mudah hanya melalui telefon pintar bagi menentukan keperluan sebenar di lapangan.

"Dengan cara itu, pemilik dapat melaksanakan keperluan kerja di ladang dengan memberi arahan kepada pekerja tanpa turun ke ladang," katanya.

Smart Tani memudahkan pemilik ladang



Dr Sahrudin (dua dari kiri) menunjukkan buah nanas yang dibal di ladang Ber One Agro di Changlun, Kubang Pasu pada Khamis.



Aff menunjukkan sistem Smart Tani yang diguna pakai di ladang Ber One Agro.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) LPNM, Mohd Khairuzamri Salleh berkata, ladang nanas Ber One Agro seluas 16 hektar itu adalah yang pertama di Kedah menggunakan teknologi IoT sejak enam bulan lepas.

Selain Kedah, katanya, penggunaan teknologi IoT itu telah diperluas di Negeri Sembilan dan Selangor.

"Saya mengharapkan lebih ramai lagi pengusaha ladang nanas di negara ini memilih teknologi ini untuk diaplikasi-

kan di ladang mereka.

"Mana-mana pengusaha ladang yang berminat menggunakan IoT boleh merujuk kepada LPNM.

"Kita boleh menjadi pengantara kepada mereka untuk mendapatkan teknologi berkenaan," kata beliau.

Dalam pada itu, Pengarah Ber One Agro Sdn Bhd, Zulkafli Saidin berkata, sistem Smart Tani membantu beliau memudahkan kerja-kerja pengurusan ladang apabila hanya perlu memantunya menerusi telefon pintar.

"Sebelum ini saya mengerjakan ladang secara konvensional.

"Oleh itu, saya hanya dapat buat jangkaan terhadap situasi tanaman tetapi kini saya boleh mendapatkan data tepat termasuk kandungan baja dan juga pH tanah selain suhu.

"Semua di hujung jari. Saya hanya perlu buka telefon dan boleh tengok data penting yang dikumpul, contohnya pH

tanah.

"Selain itu, kalau buah nanas saya tidak manis, saya boleh buka balik data untuk melihat apa puncanya.

"Saya boleh dapat jawapan kepada masalah saya dengan cepat dan tepat," katanya.

Ketua Pembangunan Perniagaan Singularity Aerotech Asia Sdn Bhd, Afif Badhrulhisham pula berkata, teknologi Smart Tani yang dibangunkan pada tahun 2019 itu mendapat maklum balas positif daripada pengusaha nanas.

"Rata-rata mereka bersetuju bahawa teknologi ini membantu menjimatkan kos mereka selain meningkatkan pendapatan.

"Sebagai penambahbaikan, kita kini dalam proses membangunkan Smart Tani Pro yang mengandungi IoT, *Digital Farming System* dan platform *Go to Market* untuk melancarkan pengurusan ladang digital melalui aplikasi," katanya.

Zulkafli (kanan) menerangkan mengenai ladang nanasnya kepada Dr Sahrudin (tengah) setelah enam bulan menggunakan Smart Tani.



Aff (kanan) menerangkan bagaimana sistem Smart Tani berfungsi membantu pengusaha nanas.

Bekalan ikan untuk pengguna sepanjang Ramadan mencukupi

BUKIT GANTANG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberikan jaminan bekalan ikan sepanjang bulan Ramadan adalah mencukupi.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata ini, ia kerana bekalan ikan yang diperoleh melalui pendaratan tidak terjejas dan pihaknya juga mempunyai bekalan ikan sejuk beku bagi menampung permintaan.

"Kita yakin stok ikan dalam negara mencukupi dan saya bagi jaminan kepada rakyat tidak akan berlaku kekurangan bekalan ikan.

"Setakat ini tidak ada laporan mengenai kekurangan bekalan ikan dan juga tidak berlaku kenaikan harga ikan," katanya selepas majlis sumbangan Ihya Ramadan dan Imarah Masjid dan Surau di Pusat Khidmat Parlimen Bukit Gantang di sini semalam.

Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang berkata, walaupun berlaku kekurangan 20 peratus bekalan ikan pada bulan Februari lalu, namun kekurangan



LKIM tidak menerima sebarang laporan mengenai kekurangan bekalan dan kenaikan harga ikan. - GAMBAR HIASAN

itu telah ditampung dengan import dan ternak akuakultur.

Menurut beliau, antara permintaan utama pada bulan Ramadan ialah melibatkan ikan cencaru, selar dan kembung, manakala permintaan ikan besar agak kurang kerana banyak restoran dan kedai makan tutup pada sebelah siang.

Terdahulu pada majlis itu, Syed Abu Hussin memperuntukan RM264,000 untuk diberikan kepada masjid dan surau di kawasan Parlimen Bukit Gantang untuk mengimarahkan bulan Ramadan.

Katanya, setiap masjid menerima RM3,000 dan buah kurma serta masjid menerima RM2,000 dan buah kurma.

Guna benih padi berkualiti tinggi

Nuklear MMR 152 mampu meningkatkan hasil pesawah

Oleh NIK AMIRULMU' MIN
NIK MIN

ROMPIN

Penanam padi di daerah ini disaran menggunakan benih padi berkualiti tinggi termasuk Nuklear NMR 152 yang dibangunkan Agensi Nuklear Malaysia

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, benih padi itu berpotensi menghasilkan sehingga lapan tan beras sehektar berbanding kira-kira empat tan sehektar daripada padi biasa.

Menurutnya, bagi mendapatkan hasil yang baik, sudah tentu memerlukan benih berkualiti justeru kerajaan negeri mencadangkan penanaman padi di daerah ini beralih kepada benih padi nuklear tersebut untuk musim penanaman akan datang.

"Kerajaan negeri hanya mencadangkan namon tergantungan kepada pesawah itu sendiri dan agensi berkaitan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang memiliki kepakaran untuk memilih benih padi yang sesuai untuk ditanam di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Kilang Padi Iktikaf Sepadu Sdn Bhd di Kampung Leban



Wan Rosdy diberi taklimat ringkas berhubung operasi Kilang Padi Iktikaf Sepadu Sdn Bhd ketika membuat tinjauan selepas perasmian pada Khamis.

Chondong di sini pada Khamis.

Wan Rosdy berkata, kewujudan Kilang Padi Iktikaf Sepadu Sdn Bhd yang beroperasi sejak awal tahun lalu secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan penghasilan dan pengeluaran beras bagi daerah Rompin khususnya dan negara amnya.

"Kilang berteknologi tinggi ini berupaya membawa anjakan baharu dalam pengeluaran beras di Rompin selain memudahkan pesawah menjual hasil padi dengan cepat tanpa perlu bersesak di kilang padi milik Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sedia ada," katanya.

Tambah beliau, pesawah mempunyai pilihan untuk menjual hasil padi dan melalui proses yang lebih cepat, harga padi juga akan lebih baik.

"Pada masa sama, kilang ini membuka kira-kira 100 peluang pekerjaan kepada penduduk

setempat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Operasi Kilang Padi Iktikaf Sdn Bhd, Abd Rahim Mat Isa berkata, kilang padi itu antara yang termoden di negara ini dan mampu memproses 300 metrik tan beras sehari.

Menurutnya, kilang padi yang dibina pada 2018 di atas tapak seluas 3.6 hektar itu beroperasi sepenuhnya pada awal tahun lalu dengan had simpanan sehingga 16,000 tan metrik padi dan 10,000 tan metrik beras.

"Setakat ini bekalan padi yang diproses di kilang ini mencecah 50,000 tan metrik setahun dengan bekalan diperolehi dari seluruh Pahang.

"Kita sasarkan untuk membeli padi dari beberapa negeri lain termasuk Johor, Terengganu, Negeri Sembilan dan Melaka untuk meningkatkan bekalan pada masa akan datang," katanya.



Banyak ikan sangkar mati yang dikenali pasti dipercayai akibat perubahan cuaca dan kekeruhan tinggi.

Perubahan cuaca antara faktor ikan sangkar mati

JERANTUT - Jabatan Perikanan Pahang mengenal pasti faktor yang mengakibatkan kematian ikan sangkar di Kampung Lada, di sini pada Ahad lalu.

Pengarah Perikanan negeri, Abdullah Jaafar berkata, antara faktornya dipercayai perubahan cuaca, kekeruhan tinggi selepas hujan selama tiga hari berturut-turut serta kekurangan oksigen pada waktu tersebut.

Menurutnya, kepadatan ikan turut menambah tekanan terhadap haiwan itu menyebabkan berlaku kecederaan dan meningkatkan jangkitan parasit.

"Berdasarkan kiraan kelulusan sang-

kar seharusnya kadar pelepasan ikan separuh daripada kuantiti sedia ada.

"Punca ini dapat kita peroleh berdasarkan temubual bersama pengusaha, maklumat pemeriksaan persekitaran dan analisis awal Makmal Biosekuriti Perikanan Kuantan," katanya.

Ujarnya, pasukan Jabatan Perikanan Pahang turun ke sangkar terlibat pada Selasa lalu selepas menerima aduan mengenai kejadian tersebut pada Isnin.

Sinar Harian pernah melaporkan kehilangan pengusaha yang mengalami kerugian besar Rabu lalu selepas ikan sangkar mereka di Sungai Pahang dekat Kampung

Lada mati sehingga ada seorang pengusaha kehilangan kira-kira 18,000 ekor ikan patin.

Dalam pada itu Abdullah memberitahu, jabatan tersebut akan memantau lokasi kejadian setiap minggu dan memberikan khidmat nasihat dari masa ke masa.

"Kita juga akan mengadakan kursus kesedaran Skim Amalan Akuakultur Baik Malaysia (myGAP) kepada pengusaha terlibat untuk tempoh jangka sederhana," katanya.

Sementara itu, pengusaha ikan sangkar yang terlibat, Kamarulzaman Rusly, 29, mengalu-alukan usaha yang akan dilakukan oleh jabatan untuk membantunya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Kes sangkar ikan pecah tiada unsur jenayah - Polis

hagian besar daripada 280 buah sangkarnya musnah.

Termasuk sangkar yang musnah, dia menganggarkan rugi RM7 juta akibat kejadian yang disebabkan tali pengikat sangkar terputus.

Zhi Yong mengesyaki tali pengikat sangkar ikan dipotong kerana 10 tali yang digunakan untuk mengikat sangkar se-muanya putus sekali gus.

Ketika kejadian, arus sungai deras dan dia yang dibantu 13 bot rakannya cuba menyelamat-kan sangkar yang hanyut, na-mun usaha mereka gagal kerana sangkar terliatu besar.

meminta syarikat itu mem-buat rujukan kepada Jabatan Perikanan," katanya ketika di-hubungi *Utusan Malaysia*, se-malam.

Semalam, akhbar ini me-laporkan seorang penternak ikan sangkar mendakwa kerugian hampir RM7 juta selepas 280 sangkar terkannya pecah di-hanyutkan arus deras Sungai Perak.

Heng Zhi Yong, 33, berkata, kejadian kira-kira pukul 5 pe-tang itu menyebabkan hampir kesemua terkannya ham-pir 500 tan metrik terlepas ke-dalam sungai manakala seba-

TELUK INTAN: Tiada unsur je-nayah dalam kejadian 280 buah sangkar terkaman ikan pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak dalam kejadian di sini, Is-min lalu.

Timbalan Ketua Polis Dae-rah Hilir Perak, Superintenden Yahaya Hassan berkata, pemilik terkaman ikan sangkar berkenaan didapati membuat laporan polis berhubung kejadian berkenaan.

"Memang laporan polis su-dah buat mengenai sangkar di-hanyutkan arus disebabkan tali mengikat sangkar putus.

"Namun tiada unsur jenayah dalam kejadian ini dan polis

Rugi RM7j angkara khianat



KEJADIAN yang memusnahkan sangkar ikan yang menjadi tulang punggung diaryutan ikan Sungai Perak dalam kejadian ini. - MEDIA SOSIAL

dia dimerai di sini semalam.

See Yong berkata, ketika le-puhun, arus sungai deras dan sangkar ikan yang terikat pada tiang kayu itu terputus dan hanyut ke arah hilir.

"Saya cuba cuba menyelamatkan sangkar yang hanyut, namun usaha mereka gagal kerana sangkar terliatu be-sar.

"Mungkin hanya jika pesa-nya mampu menangkap ikan-nya

UTUSAN Malaysia
1 April 2021

Galak tanam ketum ayam

Tanaman itu dilihat berpotensi, dapat permintaan dalam kalangan penternak

Oleh SAIFULLAH AHMAD

TELUK INTAN

Orang ramai khususnya penduduk di Perak digalakkan meneroka potensi baharu sebagai usahawan pertanian termasuk dengan menanam *madre de agria* atau lebih dikenali sebagai daun ketum ayam.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Zamol Fadzi Pahardin berkata, taniaman tersebut mempunyai potensi tersendiri memandangkan ia mendapat permintaan dalam kalangan penternak ayam.

Beliau berkata, penternak ayam menjadikan daun ketum ayam tersebut sebagai alternatif kepada pelet yang kini semakin mahal bagi mengurus kos makanan ternakan.

“Saya mahu galakkan orang kampung menanam



Zainol Fadzi (dua dari kanan) metakukan gimik menanam cili ketika merasmikan penutupan Kursus Fertigasi Cili @ Sungai Manik anjuran Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) di Teluk Intan pada Khamis.

ketum ayam kerana hari ini masalah mereka yang terlibat dalam ternakan ialah pemakanan. Harga pelet mahal, jadi ketum ini antara alternatif untuk pengusaha ternakan khususnya ternak ayam, arnab, malah ternakan lembu.

“Banyak potensi yang terdapat dalam pertanian ini yang perlu kita manfaatkan,” katanya selepas merasmikan penutupan Kursus Fertigasi Cili @ Sungai Manik anjuran Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak) di Pusat Latihan Pertanian Degong di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengarah Pasak, Misbahul Munir Mas-

duki.

Sementara itu dalam sidang akhbar selepas majlis berkenaan, Zainol Fadzi berkata, kerajaan negeri melalui portfolionya sedang meneroka peluang baharu dalam bidang pemasaran untuk mewujudkan usahawan pe-

raih. Menurutnya, peluang itu dilihat berpotensi untuk melahirkan usahawan dalam bidang pemasaran di negeri ini, sekali gus membantu mengatasi masalah orang tengah memabitkan warga asing.

“Kita ada segmen baharu yang belum diterokai selama



Ketum Ayam

- Makanan ruminan haiwan ternakan seperti ayam dan itik
- Mempunyai kandungan protein yang tinggi
- Banyak terdapat di Amerika Selatan dan Asia Tenggara
- Tiada kaitan dengan spesies daun ketum
- Ketum ayam hanya panggilan tempatan sahaja
- Nama saintifiknya ialah *tricharthera gigaritesa*
- Nama poplarnya ialah *madre de agria*

ini iaitu orang tengah. Boleh wujud usahawan baharu dalam bidang penghantaran dan pemasaran. Kita ke arah itu mewujudkan rantaian itu,” katanya.

The Star
EXCLUSIVE

Plans to grow more greens for the city

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

THE Federal Territories is looking at big-scale and indoor precision farming to produce high-quality vegetables as ways to enhance food security in the city.

Minister Tan Sri Annuar Musa said he also planned to start a commercial-sized urban farm project in Putrajaya to help grow, collect, distribute and market agricultural products.

"Urban farming is nothing new but I want to see urban farming that is commercial in nature and that incorporates modern farming techniques.

"I visited a few plots in Kuala Lumpur but the vegetables planted were mostly for personal consumption," he said.

He explained that traditionally, food products came from rural areas while certain foods were imported.

"The volume coming from outside or from other countries into the city is large.

"If we can produce vegetables locally, especially those from temperate countries, it will encourage others to pick up precision indoor farming in the city.

"So, I want to encourage commercial-scale urban farming to reduce the import of certain foods," he said during an exclusive interview with *StarMetro* at Menara DBKL, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Annuar also revealed his plan to introduce a mega urban farm project in Precinct 20, Putrajaya.

"We are still in the planning process and are looking at the collection, distribution and marketing of the products systematically.

"If possible, we want urban farms to register themselves with an online application that enables people to search and buy the vegetables via a digital platform.

"But now, I want to make sure that an anchor urban farming

FT Ministry wants large indoor precision farming to improve food security in Kuala Lumpur



A worker tending to his vegetable patch at the urban farm in Sri Malaysia flats. — YAP CHEE HONG/The Star

group which produces the biggest volume of agricultural products can take the lead in doing the marketing," he added.

Currently, there are 45 locations in Kuala Lumpur doing urban farming.

Annuar said one of the benefits of modern urban farms or precision farming was that not much space was needed.

"Instead of farming on the ground, it can be done vertically and indoors, such as vertical precision farming with controlled temperature," he explained.

"I want to encourage commercial-scale urban farming to reduce the import of certain foods."

Tan Sri Annuar Musa



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2021	NST	NEWS	11

Single mum makes it big in pepper trade

KUCHING: As a child, Awaeng Kwasin and her siblings would toil under the hot sun tending to their parents' black pepper plants.

Today, Awaeng, 44, has made it big as an entrepreneur dealing in black pepper through her company, Syarikat Nang Ori. Besides owning and operating two pepper processing factories, she exports the commodity and has ventured into producing downstream products.

This mother-of-five, whose father used to cultivate black peppers in Kampung Bratan — about 24km from here — said her interest in the business began during her childhood when she used to help her mother to sell vegetables.

After completing her studies at Sarawak Polytechnic in 1999, she migrated to the peninsula in search of greener pastures.

She ventured into business but it was met with failure.

Awaeng said that in 2005 she lost her livelihood, and her marriage collapsed, leaving her to care for her two children, aged 5 and 2, single-handedly.

"Later in the same year, I managed to build a successful business," she said.

Whenever she returned to Sarawak, she said, her friends in the peninsula would ask her to bring back some black peppers for them.

"Later, I decided to market the peppers from my family's farm instead of selling it to a wholesaler or middlemen in the state."

In 2016, Awaeng transported the peppers to the peninsula and packed them at her office premises in Puchong, Selangor. She named her company Nang Ori, which means "pure" in Bahasa Melayu. **Bernama**



Awaeng Kwasin

'Hot' spice brings success to Dayak woman entrepreneur

KUCHING: Growing up in a pepper farm and helping her mother in the family's small vegetable business laid the foundation for Awaeang Kwasin's enterprise.

But it took several professional and personal setbacks before she found success.

Today, the pepper marketed under her brand "Nang Ori" has found a market not only in Malaysia but in Singapore and Brunei as well.

Awaeang, 44, remembers toiling under the hot sun with her siblings, tending to the black pepper plants in the family farm in Kampung Bratan, about 24km from here.

"Apart from working in the pepper farm, I also accompanied my mother as she went house-to-house or to the Satok weekend market here to sell vegetables," she said.

That was her first lesson in managing a business.

In 1999, when she graduated from Sarawak Polytechnic, Awaeang "emigrated" to Peninsular Malaysia where she ventured into business but met with failure.

She hit rock bottom in 2005 when she not only lost her only source of income, but her marriage also collapsed, leaving her with two children to care for.

It was also then that she started on a journey that would lead her to the success she enjoys today.

Her friends would always ask her to return with some pepper whenever she made a trip home to Sarawak.

Based on those requests, Awaeang began to purchase large quantities of pepper from Sarawak and had it packed at her office in Puchong, and then selling them under the "Nang Ori" brand. The phrase means "pure" in Malay.

Today, she has two factories, in Kota Samarahan and Demak Laut in Sarawak where the pepper is packed.

The Nang Ori pepper is available at many supermarkets and hypermarkets in the country. Apart from Puchong, she also has a marketing office in Singapore, and last year, she managed to make inroads into the Brunei market.

Awaeang's success in building the Nang Ori brand has won her several awards, including Malaysia Top Achiever 2019 in Excellence in Spice Manufacturing Industry and Malaysia Good Design Award.

- Bernama